

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO
MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MKAA)
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 6 Januari 2016 telah bersetuju dengan penubuhan **MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR (MKAA)**. Mesyuarat MKAA dipengerusikan oleh YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- 1.2 Misi penubuhan MKAA adalah untuk menggalakkan kesedaran keselamatan air secara holistik dan komprehensif merangkumi segenap lapisan masyarakat dan tempat.
- 1.3 Objektif MKAA adalah untuk:
- Meningkatkan kesedaran, penyelamatan air dan usaha untuk mengurangkan insiden kejadian lemas;
 - Meningkatkan kesedaran dan menggalakkan rakyat mengamalkan budaya selamat ketika menjalankan aktiviti air; dan
 - Menyelaraskan pengumpulan data bagi tujuan kajian dan perancangan di seluruh negara.
- 1.4 Justeru, KPKT berhasrat untuk mencipta logo yang dapat melambangkan identiti serta simbolik kepada penubuhan MKAA. Logo ini akan diguna pakai dalam kesemua aktiviti promosi, pameran atau percetakan.

2.0 OBJEKTIF PERTANDINGAN

- 2.1 Meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kepentingan keselamatan dalam menjalankan aktiviti di air menerusi penglibatan masyarakat secara holistik.

3.0 SYARAT PERTANDINGAN, SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO DAN BORANG PENYERTAAN

3.1 Syarat dan Terma Pertandingan

- a) Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia, khususnya warga KPKT dan mahasiswa universiti/ institusi pendidikan;
- b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
- c) Semua ciptaan mestilah **ASLI** dan **tidak ditiru/diciplak (plagiarisme)** dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar Negara;
- d) Semua logo yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan Logo MKAA, KPKT akan menjadi **hak milik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** dan tidak akan dikembalikan. KPKT berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi;
- e) Ahli Jawatankuasa pertandingan dan Urus Setia MKAA tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini;
- f) Hanya satu logo sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang; dan
- g) Keputusan panel penilaian adalah muktamad.
- h) Urus setia akan menghubungi pemenang yang berjaya. Pemenang perlu mengemukakan "*raw design*" kepada pihak urus setia.

3.2 Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- a) Reka bentuk logo yang dihasilkan mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan

bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/mempunyai unsur plagiarisme;

- b) Reka bentuk "*hardcopy*" hendaklah dikemukakan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm) berwarna putih. Selain itu, peserta juga perlu mengemukakan "*softcopy*" berlatar belakang warna putih menggunakan format JPEG dengan resolusi minimum 1280 x 960 kepada Urus setia.
- c) Peserta hendaklah memberikan keterangan yang jelas dan rasional ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan;
- d) Reka bentuk logo hendaklah mempunyai warna logo **tidak melebihi daripada empat (4) warna**;
- e) Berciri gabungan moden dan futuristik menggambarkan identiti dan imej MKAA; dan
- f) Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas

3.3 Borang Penyertaan

- a) Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan melengkapkan mengisi borang penyertaan yang disediakan;
- b) Penyertaan berserta butiran maklumat penuh peserta hendaklah dihantar dalam bentuk "*hard copy*" dan "*soft copy*" sama ada melalui pos atau emel (dalam format JPEG).
- c) Penyertaan dibuka **mulai 9 April 2018 (Isnin) hingga 9 Mei 2018 (Rabu)**;
- d) Penyertaan yang diterima selepas **9 Mei 2018** tidak akan diambil kira oleh pihak Urus setia;
- e) **Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:**

Urus Setia Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA),

Bahagian Dasar dan Inspektorat, Aras 10,
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan (KPKT),

No.51, Persiaran Perdana, Presint 4,

62100 WP PUTRAJAYA

Pegawai untuk dihubungi:

Encik Mohd Kamal bin Ali – mka@kpkt.gov.my / 03-8891 5536

Puan Izzatul Husna Gan binti Abdullah –

izzatul.husna@kpkt.gov.my / 03-8891 5522

- g) Di atas kiri sampul hendaklah ditulis “Pertandingan Mencipta Logo Majlis Keselamatan Aktiviti Air (MKAA)”;
- h) Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

4.0 METODOLOGI PENILAIAN

- 4.1 Penilaian akan dilakukan ke atas semua penyertaan yang memenuhi syarat pertandingan ini;
- 4.2 Hanya satu (1) logo terbaik sahaja akan digunakan sebagai logo rasmi MKAA.
- 4.3 Penilaian akan dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Penilai yang dibentuk berasingan;
- 4.4 Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai;
- 4.5 Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan; dan
- 4.6 Panel Penilai berhak mengubah suai dan meminda reka bentuk logo, sekiranya perlu.

5.0 HADIAH PERTANDINGAN

- 5.1 Hanya satu ciptaan sahaja akan dipilih dan pemenang akan menerima hadiah bernilai RM1,000.00 beserta sijil penghargaan;
- 5.2 50 peserta yang disenarai pendek akan menerima sijil penyertaan;
- 5.3 Pemenang akan dimaklumkan oleh pihak urus setia melalui telefon, surat atau email; dan
- 5.4 Majlis penyampaian hadiah akan dilakukan dalam satu majlis yang akan dimaklumkan kemudian.

BORANG PENYERTAAN

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO

MAJLIS KESELAMATAN AKTIVITI AIR

**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN**

1. BUTIRAN PESERTA

- a) Nama :
- b) No. Kad Pengenalan :
- c) Alamat :
.....
.....
.....
- d) Emel :
- e) No. Telefon :

2. PENJELASAN LOGO

.....
.....
.....
.....
.....
.....

.....

.....

.....

.....

.....

3. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas itu.

Tandatangan:

Tarikh :